



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
**MALAYSIA**  
IPG KAMPUS RAJA MELEWAR

ISBN 978-967-5820-26-7

JILID 1, JUN 2019

# Tinta Reflektif

Disusun Oleh:  
NOOR AZZAM BINTI ABDUL RAHIM

TINTA REFLEKTIF JILID 1 2019  
Jabatan Ilmu Pendidikan  
IPG Kampus Raja Melewar  
Kementerian Pendidikan Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA. Mana-mana bahagian dalam buku ini termasuk artikel dan ilustrasi tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan dengan apa jua cara sekalipun, sama ada secara fotokopi, mekanik, rakaman, cetakan elektronik atau cara-cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan Oleh,  
Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar  
Jalan Sikamat,  
70400 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel:06-7654000  
Faxs:06-7624822  
Web:<http://www.ipgkrm.edu.my>

ISBN 978-967-5820-26-7

Dicetak oleh:  
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.  
No 18 & 20, Jalan Damai 2,  
Taman Desa Damai, Sungai Merab,  
43000 Kajang Selangor  
Tel: 03-89258975/8824/8830, Fax: 03-89258985

# Kata Alu-Aluan Pengarah IPG Kampus Raja Melewar



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tahniah saya ucapan kepada pensyarah-pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar (IPGKRM) Seremban, kerana telah berjaya menyiapkan penulisan yang berbentuk reflektif pengajaran dan pembelajaran (PdP) masing-masing. Penulisan ini merupakan pengalaman atau refleksi PdP pensyarah semasa mendidik para pelajar sama ada pada peringkat Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK), sekolah menengah atau rendah. Pengalaman yang didokumentasikan ini amat berharga kepada guru-guru Abad ke-21, untuk tujuan perkongsian pengalaman pahit dan manis bagi membentuk generasi pewaris bangsa dan negara yang cemerlang dan gemilang.

Penerbitan Tinta Reflektif ini merupakan projek yang julung-julung kalinya diusahakan oleh pensyarah IPGKRM. Usaha murni ini amat baik dan perlu disokong kerana banyak pengalaman yang boleh dikongsi bersama-sama pembaca. Kepada penyelaras Tinta Reflektif ini serta jawatankuasanya, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah sekali lagi atas usaha proaktif untuk menerbitkan Tinta Reflektif ini. Saya sangat mengharapkan agar bakat menulis dalam kalangan pensyarah perlu diteruskan pada masa-masa akan datang bagi meningkatkan kompetensi pensyarah untuk menyebarkan ilmu kepada khalayak khususnya kepada siswa pendidik.

Saya selaku peneraju kepimpinan IPGKRM berharap bidang penerbitan ini perlu dimantap dan terus direalisasikan agar menjadikan wadah penerbitan ilmiah yang berkualiti yang dapat menyumbang kepada peningkatan dan penerokaan ilmu untuk pembangunan agama, bangsa dan negara. Justeru, saya berharap agar penulisan Tinta Reflektif ini tidak terhenti untuk penerbitan pertama ini sahaja tetapi perlu diteruskan pada masa akan datang.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada penyelaras kerana telah berjaya menerbitkan Tinta Reflektif Jilid 1 dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Dr. NIZAM BIN ABD LATIB

PENGARAH

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS RAJA MELEWAR  
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

- Bimbingan Integrasi Kbat Melalui Penggunaan  
Bahan Bantu Mengajar Dalam PdPc  
Pendidikan Islam**

**82**

Fairuzzah Harun (Ph.D)

**Tangisan Lelaki Itu**

**87**

Zairinah binti Mohd Shukur

**Permata Di Dalam Kelas**

**90**

Amanah binti Mohd Noor

**Menulis Cerita Dengan Model Tatatulis**

**98**

Faridah binti Nazir (Ph.D)

**Burger Satu!**

**106**

Zaharilah binti Abdul Kadir

**Manfaatkan Matematik Sebagai Satu Budaya**

**112**

**Dalam Insaniah Secara Berhikmah**

Noziati binti Borhan (Ph.D)

**Guru... Oh Guru!**

**117**

Norhayaty binti Ismail

**'ERT' dalam B.I.G**

**124**

Erana binti Abd Seman

**Research Matrix dalam Penulisan**

**129**

**Laporan Penyelidikan**

Mayzatul Akmam binti Kamaruddin

<b>Diari Seorang Guru</b>	<b>133</b>
Nirwana binti Mohd Rashid (Ph.D)	
<b>Bagaimana Saya Berkongsi Pengalaman Kuasai Bahasa Arab di Sekolah, Kolej dan Institut Pengajian Tinggi?</b>	<b>138</b>
Abd Razak bin Abu Chik (Ph.D)	
<b>Asam Garam</b>	<b>143</b>
Umi Nadzrah binti Ali Othman	
<b>Kotak Gali Cari</b>	<b>149</b>
Masriyah binti Misni	
<b>Mengejar impian</b>	<b>156</b>
Manoriza binti Abdul Malek	
<b>Siapa Cikgu Sebenarnya?</b>	<b>162</b>
Rahayu binti Ismail	

## Menulis Cerita Dengan Model Tatatulis

Faridah binti Nazir (Ph.D)

Jabatan Bahasa Melayu Untuk Komunikasi Antarabangsa  
Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan,  
Universiti Islam Antarabangsa  
Hub Pendidikan Pagoh, Muar Johor

*fidafn@iium.edu.my*

Pada tahun 2015, ketika masih bertugas di Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan, saya telah ditugaskan mengajar mata pelajaran Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Saya mengajar pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) semester 5, major Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, manakala minornya Bahasa Melayu. Mata pelajaran ini mengkehendaki pelajar menguasai kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan tatabahasa. Oleh itu, saya telah berusaha agar pelajar menguasai semua kemahiran tersebut secara menyeluruh. Ketika mengajar, saya mendapati bahawa, para pelajar masih belum menguasai kemahiran menulis terutamanya dalam menghasilkan cerita pendek. Oleh yang demikian, saya telah mencipta Model Tatatulis untuk melatih pelajar saya menghasilkan penulisan kreatif, iaitu cerita pendek tentang pengalaman mereka di asrama.

### Model Tatatulis

Perkataan *tata* merujuk kepada sesuatu peraturan kaedah, penyusunan dan sistem. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) perkataan tata merujuk kepada peraturan, acara, kaedah, susunan, sistem; menata mengatur, menyusun; penataan penyusunan dan pengaturan. Menurut Kamus Pelajar (2011), perkataan tulis pula merujuk kepada aktiviti menyatakan fikiran atau


perasaan dengan tulisan atau mengarang. Secara jelasnya, perkataan tulis merupakan kata dasar perkataan menulis, iaitu kegiatan penyampaian pesan (gagasan, perasaan, atau informasi) secara tertulis kepada pihak lain. Melalui kegiatan berbahasa, aktiviti menulis melibatkan empat unsur, iaitu penulis sebagai penyampai mesej, mesej atau isi tulisan, medium tulisan, serta pembaca sebagai penerima mesej. Model Tatatalis ini dibentuk berdasarkan salah satu teknik pengajaran kemahiran membaca, iaitu teknik tatacerita.

### **Teknik Tatacerita**

Tatacerita ialah teknik pengajaran kemahiran membaca dengan cara memecahkan petikan yang dibaca kepada beberapa perenggan atau bahagian kecil (Kamaruddin Husin, 1995). Setiap bahagian atau perenggan ini disusun seperti kedudukannya dalam petikan tersebut, dan murid diminta membaca dan memahamkan isi kandungan petikan. Sehubungan dengan itu, guru boleh menyediakan soalan-soalan untuk setiap perenggan supaya murid terfokus untuk memahami perenggan yang dibaca.

### **Pelaksanaan Model Tatatalis**

Saya melaksanakan Model Tatatalis semasa mengajar pelajar PISMP semester 5 tersebut secara langkah demi langkah seperti dalam Rajah 1. Pelajar menyampaikan idea daripada pembacaan atau pengalaman yang dialami oleh mereka dalam bentuk wacana yang lengkap. Saya hanya berperanan sebagai pembimbing kepada pelajar untuk menyusun kesemua idea dan cerita yang disampaikan dalam bentuk wacana. Model Tatatalis mempunyai lima peringkat yang melibatkan saya dan pelajar untuk meningkatkan kemahiran menulis mereka hingga dapat menghasilkan cerita pendek berdasarkan pengalaman masing-masing. Kelima-lima peringkat dalam model ini ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1. Model Tatatulis

### Keberkesanan Model Tatatulis

Seramai 17 daripada 23 siswa guru telah dapat menghasilkan cerita pendek 17 cerita lucu dan cerita seram yang lahir sama ada daripada pembacaan atau pengalaman sebenar siswa guru. Sehubungan itu, 6 orang siswa guru tidak dapat menghasilkan penulisan memandangkan mereka tidak hadir ketika pensyarah menjalankan langkah 1 hingga 4 dalam Model Tatatulis. Secara umumnya, kesemua tajuk penulisan yang telah dihasilkan melalui Model Tatatulis ditunjukkan dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1 : Hasil Penulisan Melalui Model Tatatulis

Bil	Judul
1	Aizat-Kem Berhantu
2.	Cerita Misteri
3	Cerita Pasal Takut
4	Cerita Seram
5	Dorm Berhantu
6	Jagalah Adab
7	Kenangan Lucu Di Rumah Pakcik
8	Kisah Lima Tahun Lalu
9	Kisah Seram
10	Misteri Asrama
11	Misteri Homestay FELCRA Tronoh
12	Misteri Kain Putih
13	Motivasi Kanak-Kanak (Kepompong)
14	Ngauman Harimau
15	Pocong
16	Satu Pagi Di Sekolah
17	Terbang Putih Tanpa Kaki

Kesemua 17 cerita pendek yang dihasilkan oleh 23 orang siswa guru terbabit dibukukan seperti dalam Gambar 1 di bawah.



Gambar 1: Buku Model Tatatulis

## Rumusan

Saya mendapati bahawa, keterlibatan semua pelajar amat penting untuk mengikuti kelima-lima langkah yang ditetapkan dalam Model Tatatulis ketika menghasilkan cerita pendek. Model Tatatulis amat berkesan untuk mengasah bakat pelajar saya yang tidak pernah menghasilkan sebarang penulisan kreatif sebelum ini. Akan tetapi, untuk menghasilkan penulisan yang berkualiti, mereka telah terlibat secara sepenuhnya ketika mengikuti langkah-langkah dalam Model Tatatulis. Sehubungan dengan itu, salah satu contoh penulisan pelajar saya adalah seperti dalam Lampiran 1.

## RUJUKAN

- Aziah Tajudin, Mohd Fadzli Tajuid (2011). *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harris, B. (1977). The importance of natural translation. Working papers on bilingualism. Canada: Ontario Institute for Studies in Education.
- Kamaruddin Husin (1995). *Pedagogi Bahasa*. Siri Pendidikan Longman. Selangor: Longman.
- Nida (1957). *Learning a Foreign Language: A Handbook Prepared Especially for Missionaries*. USA: Friendship Press for Committee on Missionary Personnel.
- Noresah Baharum. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tarigan, Henry Guntur dan Djago Tarigan (1980). *Teknik Pengajaran Keterampilan Berbahasa*. Bandung: Angkasa.
- Tarigan, Henry Guntur (1983). *Berbicara Sebagai Suatu ketrampilan Berbahasa*. Bandung: Angkasa.
- Tompkins, Gail E. (1990). *Teaching Writing Balancing Process and Product*. New York: Macmillan Publishing Company.

## Lampiran 1

### Cerita 1 Model Tatatulis Aizat-Kem Berhantu

Kejadian ini berlaku semasa aku berada di tingkatan 5 dahulu. Semasa itu, aku ditanggungjawabkan untuk menjadi pengurus kepada Persatuan Bulan Sabit Merah. Banyak pengetahuan yang aku peroleh sepanjang menjadi pengurus persatuan ini namun, pengalaman yang aku tidak dapat lupakan adalah semasa sekolah mengadakan perkhemahan selama 4 hari 3 malam di salah sebuah kem perkhemahan di Kelantan.

Kem yang digunakan sebagai tapak perkhemahan itu sememangnya terkenal kerana terdapat banyak khabar angin tentang kejadian orang dirasuk dan ada yang terlihat kelibat makhluk halus. Oleh sebab tempat itu mempunyai sejarah yang tidak menyenangkan ini, guru pembimbing kami, iaitu Ustazah Maimunah telah membekalkan setiap orang ahli yang mengikuti perkhemahan ini satu plastik yang mengandungi lada hitam, garam dan kacang hijau. Bahan-bahan ini dipercayai digunakan untuk membuat pagar halus di sekeliling khemah. Ustazah Maimunah juga berpesan kepada setiap orang untuk membaca Ayat Kursi jika ada antara kami yang mengalami gangguan makhluk halus.

Pada awalnya, perkhemahan kami berjalan dengan lancar tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini. Malam pertama perkhemahan, Kem Komandan kami telah mengarahkan setiap badan beruniform untuk mewujudkan kawalan untuk bergilir-gilir menjaga kawasan perkhemahan masing-masing. Pada malam pertama, tiada apa yang berlaku. Kejadian yang kekal di ingatan aku adalah pada keesokan harinya, selesai sahaja aku dan rakan-rakan lain menunaikan solat Subuh, tiba-tiba sahaja aku terdengar suara wanita menjerit dengan kuat. Aku dan beberapa orang peserta lain berlari kerana ingin mengetahui punca jeritan wanita itu. Semasa aku tiba di tempat kejadian, wanita itu sedang ditenangkan oleh seorang guru wanita yang menjadi salah seorang guru pengiring untuk perkhemahan tersebut. Wanita itu menceritakan bahawa, semasa dia sedang berjalan di hadapan surau, dia terlihat satu kelibat putih menhampirinya.

Selepas kejadian itu, suasana perkhemahan menjadi lebih suram kerana setiap orang bimbang akan gangguan makhluk halus. Malahan ketika aku menjalankan tugas kawalan, ramai peserta tidak berani keluar dari khemah masing-masing. Oleh sebab aku bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan persatuan, aku berjaga dari pukul 12 hingga pukul 3 pagi. Semasa aku sedang meronda di sekeliling tapak perkhemahan, aku tidak berani menyuluh ke atas pokok kerana sebelum ini sudah ada kejadian peserta yang menyuluh ke atas pokok, terlihat kelibat makhluk halus yang hanya mempunyai kepala.

Pada malam terakhir, ada program Persembahan Budaya yang mana setiap persatuan perlu berlakon dan markah akan diberikan. Persembahan Budaya ini diadakan di tempat yang lapang kerana kami tiada tapak berkumpul yang teduh. Hanya satu kumpulan sahaja yang sempat melakukan persembahan sebelum secara tiba-tiba hujan turun. Kem Komandan menyuruh kami balik berteduh di khemah masing-masing. Namun, hujan ini lebih lebat daripada yang dijangkakan dan angin yang bertiup juga kuat. Kami mendapat arahan untuk berkumpul di surau. Surau itu pada asalnya tapak yang disediakan untuk dapur namun tidak digunakan tetapi diguna pakai sebagai surau. Surau ini dibahagikan kepada dua bahagian, satu bahagian untuk lelaki dan satu bahagian lagi untuk perempuan.

Aku pelik dengan seorang peserta lelaki yang duduk bersebelahan denganku di surau kerana dia hanya mendiamkan diri sambil memeluk tubuhnya. Aku melihat ramai rakannya yang lain cuba untuk menegurnya namun tidak dilayan. Aku berasa tidak sedap hati melihat gelagatnya. Rakannya syak sesuatu berlaku kepadanya kerana ketika mereka ingin menarik tangannya ia tidak berganjak walaupun sedikit dan badannya keras seperti batu. Sejurus kemudian, salah seorang ustaz datang melihat peserta lelaki tersebut dan segera menyuruh semua orang dalam surau itu membaca Ayat Kursi. Tidak lama kemudian, peserta lelaki itu pun kelihatan seperti telah sedar dan pulih seperti sedia kala. Keesokan harinya, barulah aku tahu bahawa peserta lelaki itu sememangnya dirasuk oleh makhluk halus. Oleh sebab itulah, dia hanya mendiamkan diri dan memandang ke bawah sahaja.

Pada hari terakhir perkhemahan, aku dan peserta lain pun mengemaskan beg dan kembali ke rumah masing-masing. Keesokan harinya apabila aku kembali ke sekolah seperti biasa, barulah keluar isu bahawa sebenarnya ramai juga orang lain yang terlihat kelibat makhluk halus namun tidak menceritakannya kerana dikhawatir akan menakutkan rakan-rakan yang lain. Salah seorang rakanku menceritakan dia terlihat makhluk halus di pagar khemahnya ketika dia terbangun pada jam 4 pagi. Namun, kerana bimbang kejadian tidak diingini berlaku dia segera memejamkan mata dan cuba untuk tidur semula. Terdapat juga guru yang mengambil gambar dan dalam gambar tersebut dapat dilihat kelibat kepala di atas pokok.

Aku menanyakan kepada Ustazah Maimunah punca yang menyebabkan kem tersebut mempunyai banyak makhluk halus. Ustazah Maimunah menceritakan bahawa, tapak perkhemahan itu sebenarnya pernah menjadi tapak hukuman untuk askar Jepun memancung kepala orang. Oleh sebab itulah, terdapat banyak makhluk halus yang hanya boleh dilihat kepalanya sahaja. Aku bersyukur kerana meskipun banyak perkara yang berlaku di sekelilingku namun, tidak sekali pun aku terlihat makhluk halus itu. Kini, sudah 5 tahun berlalu dan aku tidak pasti sama ada kem itu sudah ditutup atau belum.

ISBN 978-967-5820-26-7

9 789675 820267